

20 MAY 1999

Mahathir-Sederhana

KESEDERHANAAN RAMUAN UTAMA KEJAYAAN MALAYSIA, KATA DR M

JOHOR BAHRU, 20 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Malaysia akan terus maju sekiranya rakyat dapat mengekalkan sikap kesederhanaan dan memilih kerajaan yang utuh dan cekap mengikut amalan demokrasi.

Perdana Menteri berkata rakyat juga perlu terus rajin berusaha dan berdisiplin dan tidak terpengaruh dengan hasutan pihak luar dan mereka yang berkepentingan yang mahu menimbulkan sikap benci-membenci.

"Ramuan ini merupakan kunci kepada kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh negara sejak Merdeka," katanya ketika berucap pada majlis makan malam di kediaman rasmi Menteri Besar Johor, Saujana, sempena lawatan dua hari beliau ke negeri ini.

Majlis "Pertemuan Perdana" itu dihadiri oleh kira-kira 10,000 orang anggota Umno, anggota parti komponen Barisan Nasional (BN), kakitangan kerajaan dan orang ramai.

"Semasa kita baru Merdeka dahulu, kita tidak kaya tetapi mungkin secara kebetulan kita telah menemui satu formula yang membolehkan kita membangun iaitu kesederhanaan," katanya.

Sikap kesederhanaan, terutama pada orang Melayu dan Bumiputera lain telah dapat mewujudkan perpaduan yang dikukuhkan lagi oleh kaum Cina dan India yang juga tidak suka kepada sikap melampau.

"Kesederhanaan merupakan faktor yang amat penting untuk negara mencapai kemajuan. Oleh itu perliharalah kesederhanaan ini kerana ini formula untuk mencapai kemajuan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, formula kerjasama antara kaum melalui sikap sederhana yang diamalkan oleh BN terbukti berjaya membawa kestabilan politik di Malaysia.

Perdana Menteri juga berkata rakyat tidak harus mempunyai rasa benci terhadap pelabur asing dan orang tempatan kerana kekayaan mereka.

"Apabila orang kaya membelanjakan wangnya seperti membuat mahligai, orang lain seperti kontraktor dan pekerja juga mendapat untung," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, melalui langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan, Malaysia berjaya mengatasi kegawatan ekonomi tanpa terpaksa tunduk kepada pihak asing.

-- BERNAMA

ZKS MKO PR